

Komanwel harus cari jalan bantu negara2 kecil dan lemah

10 OCT 1991

— Mahathir

KUALA LUMPUR 9 Okt. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Komanwel harus mencari jalan membantu negara - negara anggotanya yang kecil dan lemah bagi menyelesaikan masalah mereka.

Menurut beliau, keperluan agar suara negara - negara lemah ini didengar adalah lebih mendesak sekarang kerana terdapat kecenderungan negara - negara maju mengaitkan bantuan kewangan dan perdagangan dengan demokrasi, hak asasi manusia, hak pekerja dan isu alam sekitar.

"Bagaimanapun jika Komanwel bekerjasama dan mengambil satu pendirian yang tegas khususnya dalam isu yang melibatkan negara - negara lemah, Komanwel sebagai satu kumpulan boleh memperjuangkan permintaan mereka," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan pembukaan Mesyuarat Menteri - Menteri Kewangan Komanwel yang ke-39 di sini hari ini.

Dalam hubungan ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia mengamalkan demokrasi sepenuhnya dengan melindungi hak kebebasan manusia dan pekerja, kebebasan akhbar dan berusaha mengelakkan pencemaran.

Bagaimanapun, dengan mengamalkan prinsip - prinsip tersebut, beliau berkata, ia tidak akan menjamin kesempurnaan dan kesejahteraan terhadap rakyat dan negara.

Katanya, dunia hari ini menyaksikan kejatuhan sistem komunis dan kebangkitan sistem demokrasi yang berasaskan pasaran terbuka.

"Bagaimanapun adalah jahil jika kita yang mendokong demokrasi dan sistem pasaran terbuka gagal untuk melihat bahawa apa yang sedang berlaku sekarang bukanlah membawa kekayaan dan kemakmuran malah kestabilan atau kebebasan dari rasa gentar," tegas beliau.

Memulas tangan

Katanya, di banyak negeri di Soviet Union dan Eropah Timur, terdapat peningkatan jumlah kemiskinan, ketidakstabilan politik, perang saudara, kemusnahan dan kematian.

"Bagaimanapun, dalam mengambil kesempatan untuk menjalinkan bantuan serta hubungan dagangan janganlah sampai kita memulas tangan mereka hanya kerana kita mahu melihat mereka menerima demokrasi yang kita amalkan dan memaksanya pula ke dalam kerongkong setiap orang untuk menelannya," ujar Perdana Menteri.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, demokrasi adalah unggul bagaimanapun ia tidak semestinya sempurna dan tidak boleh diterima bulat-bulat dalam sistem sesebuah kerajaan.

Beliau berkata, pengamalannya mestilah memahami bagaimana ia berfungsi, mengendalikannya dan mengatasi masalah yang boleh berlaku jika sesuatu terjadi.

"Demokrasi bukan sahaja harus diamalkan oleh kerajaan tetapi sebaliknya rakyat secara keseluruhan, parti politik, pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan serta kumpulan pendesak, mestilah memahami perjalanan dan batas demokrasi.

"Mereka yang perlu memahami ini termasuklah pejuang hak-hak asasi kemanusiaan, kebebasan akhbar dan pelindung alam sekitar," tegasnya.

Pada masa yang sama, beliau berkata, Komanwel pula tidak harus berdiam diri dan melihat sistem diktator menafikan hak memilih, menyekat kebebasan dan hak membuat keputusan.

Menyentuh mengenai peranan Menteri Kewangan, Dato' Sri Dr. Mahathir menambah, bantuan kewangan dan perdagangan adalah dua perkara yang menjadi tumpuan Menteri Kewangan tetapi sebuah negara yang kaya yang tidak memerlukan bantuan kewangan pun terpaksa mengendalkan sistem kewangan mereka dengan baik untuk mengekalkan kemakmuran.

"Oleh itu, janganlah kita terlalu cepat untuk menyalahkan sebarang kegagalan yang dihadapi oleh mana-mana negara sebaliknya kita hendaklah bersedia membantu satu sama lain," tegas beliau.

Beliau mengambil contoh Malaysia yang mengamalkan dasar pandang ke Timur bukan kerana ingin menjadi sebahagian daripada koloni Jepun tetapi kerana berpendapat negara ini boleh mempelajari bagaimana Jepun yang musnah akibat peperangan boleh menjadi kuasa ekonomi yang besar.

Beliau berkata Malaysia mempunyai rakyat pelbagai kaum dan jika golongan yang kaya dan miskin dipisahkan berdasarkan keturunan, potensi bagi berlakunya konflik adalah besar.

Bagaimanapun, pendekatan yang telah diambil untuk mengatasi perkara ini ialah dengan menyediakan peluang yang adil bagi membolehkan mereka mencapai kejayaan berdasarkan tahap kepayaan masing - masing, tambah beliau.

Katanya, cara yang diamalkan itu adalah demokratik tetapi semua orang mengetahui ia tidak akan memberikan hasil yang sama.